

# Pelajar FPEP UMS adakan aktiviti kebajikan di Kampung Air, Semporna

UB 13/12/19 5

**KOTA KINABALU:** Pelajar Program Perniagaan Antarabangsa, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) turun padang bagi mengadakan aktiviti kebajikan bersama penduduk Kampung Air, Semporna baru-baru ini.

Menurut pengarah projek James Maxwell Anak Buie, projek 'We Care, We Share' ini bagaimanapun membantu penduduk di kawasan pedalaman itu memfokuskan aktiviti di Sekolah Altenatif Semporna dan di sekitar kawasan Kampung Air, Semporna dengan melibatkan seramai 34 pelajar serta pensyarah FPEP Chan Hak Liong sebagai penyelia projek.

"Objektif utama aktiviti kebajikan ini adalah bagi mempuksikap keprihatinan pelajar UMS terhadap masyarakat di pedalaman, dengan para pelajar UMS telah menyumbangkan barang terpakai yang sudah tidak digunakan untuk meringankan beban para murid dan tenaga pengajar di Sekolah Altenatif Semporna.

"Di samping itu, tujuan lain kerja sosial ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturahim di antara siswa-siswi UMS dengan masyarakat pedalaman ini serta menarik minat kanak-kanak ini untuk

belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading," katanya.

James berkata, antara aktiviti yang dijalankan pada program tersebut adalah aktiviti mengecat dinding kayu sekolah yang turut disertai kanak-kanak sekolah tersebut, dan aktiviti gotong-royong di sekitar kawasan Kampung Air yang bermatlamat untuk menekankan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar agar penyakit seperti wabak Denggi dapat dicegah di kawasan tersebut.

## "Aktiviti kebajikan



**SUMBANGAN:** Pelajar serta pensyarah UMS menyampaikan sumbangan barang terpakai yang berjaya dikumpulkan kepada Mukmin, guru di Sekolah Altenatif Semporna.



**SEMANGAT:** Antara wajah kanak-kanak yang begitu bersemangat mahu membantu mengecat dinding sekolah mereka.



**ALBUM:** Para siswa-siswi UMS merakamkan gambar bersama murid-murid sekolah berkenaan.

seperti ini telah mengajar kami, untuk sentiasa tidak melupakan orang yang dalam kesusahan.

"Dorongan semangat yang kami berikan kepada kanak-kanak tersebut mungkin menjadi pemangkin semangat untuk mereka mengubah nasib keluarga mereka suatu

hari nanti," katanya.

Pada akhir program itu, siswa-siswi UMS kemudiannya menyampaikan hadiah kepada setiap kanak-kanak di Sekolah Altenatif, Semporna yang ternyata memberi penceran keceriaan di wajah setiap kanak-kanak yang menerima.